

U 8931 AAB

MAHATHIR - PILIHANRAYA

(1)

1985

KUALA LUMPUR, 30 MAC (BERNAMA) -- PILIHANRAYA UMUM TIDAK AKAN DIADAKAN LEBIH AWAL SEPERTI MANA YANG DIRAMALKAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

KATANYA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO HARI INI TELAH MEMBINCANGKAN PILIHANRAYA UMUM ITU TETAPI TIDAK MENETAPKAN SEBARANG TARIKH.

+ KAMI MEMANG TELAH MEMBINCANGKAN PILIHANRAYA UMUM DALAM MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI TETAPI IA TIDAK AKAN DIADAKAN LEBIH AWAL,

+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT EMPAT JAM MAJLIS ITU DI IBU PEJABAT UMNO DI SINI.

BELIAU MENGAKHIRI PERTANYAAN BERHUBUNG DENGAN PERKARA ITU DENGAN MENYATAKAN +KITA BOLEH MENGADAKAN PILIHANRAYA UMUM PADA BILA-BILA MASA SEKARANG HINGGA APRIL, 1987 (TARIKH TAMAT PENGGAL PARLIMEN SEKARANG).

+ SAYA TIDAK PERNAH MEMBERITAHU ANDA PERKARA BOHONG.... MALAH SAYA SENTIASA BERCAKAP BENAR, + KATANYA SAMBIL DIIKUTI DENGAN KETAWA OLEH PARA PEMBERITA. -- LAGI

2040MST 30 03 85

MAHATHIR - PILIHANRAYA 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI SPEKULASI YANG MENGATAKAN BAHAWA DATUK JAMES ONGKILI INGIN MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI UNTUK BERTANDING DALAM PILIHANRAYA NEGERI SABAH PADA 20 APRIL, DR. MAHATHIR BERKATA IA TIDAK BENAR.

KATANYA DATUK ONGKILI MASIH LAGI MENJADI MENTERI PERSEKUTUAN DAN DIA (DATUK ONGKILI) MASIH BELUM MEMBERITAHUNYA UNTUK MELETAKKAN JAWATAN.

+ SAYA TIDAK MENERIMA SEBARANG SURAT DARIPADA DATUK ONGKILI. PERTAMA SEKALI APAKAH SEBAB-SEBAB UNTUKNYA MELETAKKAN JAWATAN, + KATANYA KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN SAMA ADA DATUK ONGKILI TELAH MENGHANTAR SURAT PERLETAKAN JAWATAN UNTUK BERTANDING DALAM PILIHANRAYA NEGERI SABAH. -- BERNAMA

2046MST 30 03 85